

Sejarah Penempatan dan Perubahan Sosial Muslim Hui di Xi'an, China
(History of Hui Muslim Settlement and Social Change in Xi'an, China)

Ahmad Sunawari Long* & Farid Mat Zain**

Abstrak

Artikel ini mengkaji perkembangan sejarah dan transformasi sosial komuniti Muslim Hui di Xi'an, China — salah satu penempatan Islam terawal dan paling signifikan di sepanjang Laluan Sutera (Silk Road), China. Berdasarkan sumber sejarah, penyelidikan lapangan dan kajian akademik semasa, artikel ini menyoroti kemasukan Islam melalui misi diplomatik dan ketenteraan sejak abad ke-7, khususnya melalui peranan Sa'd ibn Abi Waqqas dan pasukan tentera Islam yang membantu dinasti-dinasti China. Kajian ini menelusuri evolusi identiti Hui dengan menekankan integrasi mereka dengan budaya Han sambil mengekalkan kepercayaan dan amalan Islam. Ia menggariskan fasa-fasa penting termasuk pembentukan kawasan Muslim (Huimin Jie), perkembangan institusi pendidikan agama dan aliran mazhab (seperti Gedimu, Yihewani dan Salafi), serta kesan peristiwa besar seperti Pemberontakan Dungan. Xi'an muncul sebagai pusat strategik dan simbolik kepada Islam di China, memperlihatkan hasil penyatuan seni bina, bahasa dan budaya antara Cina dan Islam. Artikel ini merumuskan bahawa walaupun berdepan dengan marjinalisasi sejarah dan pergolakan sosio-politik, komuniti Hui di Xi'an kekal mempertahankan identiti keislaman dan daya tahan komuniti mereka, sekali gus memberikan sumbangan yang signifikan terhadap warisan Islam di China.

Kata kunci: Muslim Hui, Han, Huimin Jie, Islam di China, Xi'an

Abstract

This article explores the historical development and social transformation of the Hui Muslim community in Xi'an, China—one of the earliest and most significant Muslim settlements along Silk Road, China. Drawing upon historical sources, field research, and recent academic studies, the paper highlights the arrival of Islam through diplomatic and military missions from the 7th century onward, particularly through the efforts of Sa'd ibn Abi Waqqas and later Islamic troops aiding Chinese dynasties. It examines the evolution of the Hui identity, emphasizing their integration with Han Chinese culture while maintaining Islamic faith and practices. The research traces key phases: the foundation of the Muslim Quarter (Huimin Jie), the development of religious schools and sects (e.g., Gedimu, Yihewani, and Salafi), and the impact of critical events like the Dungan Rebellion. Xi'an emerges as both a strategic and symbolic center for Islam in China, featuring architectural, linguistic, and cultural syncretism. The article concludes that despite historical marginalization and socio-political upheavals, the Hui of Xi'an have sustained their religious identity and communal resilience, contributing richly to Chinese Islamic heritage.

Keywords: Hui Muslims, Han, Huimin Jie, Islam in China, Xi'an

Pengenalan

Xi'an yang terletak di di Barat Laut China menjadi ibu kota Negara China lebih seribu tahun yang lalu iaitu sejak abad ke-11 SM. Kini, di samping berfungsi sebagai ibu kota Wilayah Shaanxi, Xi'an menjadi pusat perindustrian dan perdagangan, pentadbiran dan pendidikan terbesar di bahagian Barat Laut China. Pada tahun 2025 dianggarkan terdapat 9,222,000 penduduk mendiami wilayah Xi'an.¹ Ia juga pernah menjadi ibu kota pentadbiran kepada Dinasti Zhou, Qin, Han dan Tang. Majoriti penduduknya terdiri daripada etnik Han iaitu sebanyak 90% dan selebihnya adalah daripada etnik Hui.

* Ahmad Sunawari Long (corresponding author), Professor, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. Email: aslong@ukm.edu.my.

** Farid Mat Zain, Senior Lecturer, Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. Email: farid@ukm.edu.my.

¹ Binqing Zhai & Mee Kam Ng, "Urban Regeneration And Social Capital in China: A Case Study of the Drum Tower Muslim District in Xi'an," *Cities* 35 (2013): 14-25.

Etnik Hui mewakili satu demografi yang unik dan kaya dengan sejarah berbanding masyarakat Muslim lain di negara China. Etnik ini merupakan salah satu daripada 56 kumpulan etnik yang diiktiraf secara rasmi di China dan hampir seratus peratus menganut agama Islam. Masyarakat Hui telah mengekalkan budaya yang tersendiri selama berabad-abad. Pada tahun 2024, dianggarkan seramai 600,000 orang Hui Muslim tinggal di sekitar Huimin Jie (*Muslim Quarter*).² Angka ini menjadikan kota Xi'an sebagai salah satu kota dengan populasi Hui Muslim terbesar di China.

Kehidupan berkomuniti Muslim Hui di Xi'an dapat dilihat di kawasan Huimin Jie, berdekatan dengan Menara Gendang serta berhampiran dengan 24 masjid sekitar Xi'an. Di kawasan Muslim Quarter terdapat beberapa masjid bersejarah, pasar makanan halal, kedai buku Islam dan kedai pakaian yang mencerminkan paduan antara budaya Islam dan China. Kawasan ini dihubungi beberapa jalan seperti Beiyuanmen Street, Xiyangshi Street, Dapiyuan Street dan Huajue Lane di sekitar Huimin Jie. Masjid Besar Xi'an, yang dibangunkan pada tahun 742 semasa Dinnasti Tang, adalah antara masjid tertua dan terbesar di China yang menjadi simbol penting keberadaan Islam di kota Xi'an. Masjid ini seperti mana masjid-masjid Hui yang lain dibina dalam gaya seni bina tradisional Cina, yang menggabungkan menara berbentuk pagoda dengan seni bina Islam³.

Masyarakat Hui di Xi'an dari segi rupa paras dan bahasa adalah hampir serupa dengan etnik Han, dan mereka bertutur dalam bahasa yang sama iaitu Mandarin sebagai bahasa ibunda. Apa yang membezakan antara keduanya adalah dari segi agama, yang mana etnik Hui beragama Islam sementara etnik Han beragama Confucius, Buddha dan Taoisme.⁴ Dari aspek penampilan, kebanyakan lelaki Hui memakai kopiah dan perempuan pula bertudung seperti yang dapat dilihat sekitar Huimin Jie hari ini. Masyarakat Hui lebih banyak berintegrasi dengan masyarakat Han kerana persamaan bahasa, sosial ekonomi dan kehidupan kejiwaan seharian mereka. Ciri khas etnik Hui diringkaskan seperti berikut:

*The Hui, often referred to as Chinese Muslims, Chinese-speaking Muslims, or Sino-Muslims, are the descendants of Muslim merchants, militia, and officials who traveled to China from Arab and Central Asian countries between the seventh and fourteenth centuries. These progenitors were Sinicized through intermarriage with Han Chinese over many generations.*⁵

Kebanyakan etnik Hui menggunakan nama keluarga Cina, seperti "Ma" yang berasal daripada "Muhammad". Kajian oleh Gladney⁶ menyatakan bahawa masyarakat Hui biasanya mempunyai nama Cina dan nama Muslim dalam bahasa Arab, walaupun nama Cina digunakan secara meluas. Beberapa nama keluarga Hui yang umum termasuk Ma (Muhammad), Han (Muhammad), Ha (Hasan), Hu (Hussein), Sai (Said), Sha (Shah), Zheng (Shams), Koay (Kamaruddin), dan Chuah (Osman). Bagi perempuan pula antara nama yang popular di kalangan etnik Hui seperti Maryam, Fatima, Khadija dan Nur.

Dari segi ekonomi, etnik Hui di Xi'an terkenal dengan semangat keusahawanan terutama dalam industri pemakanan dan perniagaan barangan runcit dan salon⁷. Mereka terlibat dalam perusahaan kecil dan sederhana, khususnya dalam industri makanan halal dan perkhidmatan. Restoran dan gerai makanan mereka terkenal dengan hidangan seperti roujiamo (sandwich daging ala Cina), mee tarik, dan sate kambing yang mesti mematuhi prinsip *Qingzhen* (halal dan bersih).⁸

Dari aspek sosial, etnik Hui mengekalkan semangat persaudaraan etnik yang kuat dan aktiviti sentiasa berpusat di masjid. Perayaan Islam seperti Eid al-Fitr dan Eid al-Adha disambut dengan solat berjemaah dan jamuan bersama di masjid sekitar Xi'an. Walaupun mereka hidup harmoni dengan

² "Xian, Shaanxi, China Metro Area Population (1950-2025)," *Macrotrends*, diakses 15 Mei 2025, <https://www.macrotrends.net/global-metrics/cities/20721/Xi'an-shaanxi/population>.

³ Lloyd Ridgeon, "The Problem of Sinicizing Beijing's Mosque," *Journal of Muslim Minority Affairs* 40, no. 4 (2020): 576-596.

⁴ Liang Zhao, "Identity Negotiation of Han women in Han-Hui-Muslim Intermarriage in China: A Dialogical-self Theory Approach," *Culture and Psychology* 30, no. 4 (2024): 903-938.

⁵ Li Zeng, "The Voice Within: Chinese Muslims, Ethnic Identity, and Self-Representation in Hui Microfilms," *JCMS: Journal of Cinema and Media Studies* 63, no. 5 (2023): 284-308.

⁶ Dru C. Gladney, *Muslim Chinese: Ethnic Nationalism in the People's Republic* (Harvard University Press, 1996), 123.

⁷ Yang Yang, "Fashioning Islamic Asia: Urban Hui Muslims and Cosmopolitan Bridal Looks in Xi'an, China," *International Journal of Islam in Asia* 4, no. 1-2 (2024): 178-205.

⁸ Ayesha Qurrat al Ain, "Everyday Life of a Chinese Muslim: Between Religious Retention and Material Acculturation," *Journal for the Study of Religions and Ideologies* 14, no. 40 (2015): 209-237.

majoriti Han, masyarakat Hui juga prihatin dalam menjaga kebebasan beragama dan warisan budaya mereka, terutama dalam konteks perbincangan nasional mengenai agama dan identiti. Dalam keadaan mereka yang tinggal berhampiran masjid, telah membentuk komuniti yang dikenali sebagai “Fang” dalam bahasa Cina atau “Jamaah” dalam bahasa Arab. Sistem Jamaah ini (Si-Fang Zhidu) merupakan unit sosial asas masyarakat Hui. Istilah Cina “Fang”, yang bermaksud “Kawasan,” berasal daripada istilah “Fan-Fang,” atau “Kawasan Asing” yang mengasingkan mereka semasa Dinasti Tang. Fang bukan sahaja merujuk kepada penempatan mereka, tetapi juga sistem budaya yang telah berakar umbi di dalam masyarakat Hui.

Sistem Fang terdiri daripada empat struktur yang stabil dan membentuk masyarakat Hui Xi'an, iaitu: 1. Struktur kediaman-geografi yang terbentuk daripada sempadan budaya-agama menjadi asas struktur ini; 2. Struktur kekeluargaan dan perkahwinan sesama Muslim; 3. Struktur ekonomi-pekerjaan yang tertumpu pada perniagaan kecil dengan tahap homogeniti dalam kerjaya, serta; 4. Struktur pendidikan-agama berasaskan pendidikan masjid bagi mewarisi akidah Islamiah.⁹ Struktur yang terbina sekian lama ini mampu mengekalkan kepercayaan dan nilai budaya generasi muda hari ini. Walaupun kebanyakan generasi muda Hui kini lebih cenderung untuk berasimilasi dengan budaya arus perdana Han di mana mereka bersekolah dan melanjutkan pelajaran di universiti yang sama dengan rakan Han mereka, pendidikan agama Islam di masjid atau pendidikan agama ibubapa di rumah berjaya mengekalkan jati diri mereka sebagai Hui Muslim¹⁰. Komuniti Hui sangat menitikberatkan gabungan nilai agama, moden dan tradisional.

Dari aspek kepercayaan dan amalan agama, etnik Hui di Xi'an boleh dikategorikan kepada tiga kumpulan mazhab utama iaitu:

1. Gedimu: Nama *Gedimu* atau juga dikenali sebagai “Lao Jiao atau Zun Gu Pai” berasal daripada perkataan Arab *Qadim*, yang bermaksud “lama” atau “kuno”. Pada peringkat awal, majoriti masyarakat Hui mengikuti gedimu dari aliran Sunni yang merupakan bentuk amalan Islam tertua dan tradisional di China dan bermazhab Hanafi yang disesuaikan dengan budaya tempatan. Ia menerima asimilasi ajaran Islam dengan adat dan budaya Cina (sinicized), seperti terserlah dalam bentuk pemakaian dan juga termasuk seni bina masjid yang menyerupai pagoda. Kelompok ini sangat menekankan pendidikan Islam tempatan, khususnya sistem pembelajaran di masjid berasaskan bahasa Arab tetapi menggunakan nahu dan sebutan gaya China yang dikenali sebagai Jingtang Jiaoyu. Mereka juga menolak pengaruh ideologi reformis sebaliknya mengekalkan kesinambungan terhadap tradisi lama.¹¹ Kelompok Gedimu menguasai Xi'an bermula pada abad ke 7 hingga 9 pada era Dinasti Tang. Ketika Dinasti Ming abad 14 hingga abad ke 17 mereka diktiraf oleh pihak pemerintah tetapi perlu sejajar dengan ajaran Konfucius yang mementingkan ketaatan, keluarga dan hierarki. Ajaran Islam disampaikan dari generasi ke generasi secara tradisi lisan dalam budaya ilmiah (academic culture)¹² dan juga melalui Kitab Han (Han qitabu) karya ulama seperti Liu Zhi dan Wang Daiyu. Selepas abad ke-17 dengan kemasukan aliran tasawuf (menhuan) daripada Tariqat Naqshabandiyah, Qadiriyyah dan Kubrawiyyah serta pengaruh Ikhwan al-Safa, kalangan Gedimu telah dituduh terlalu bersifat kecinaan berbanding keislaman (lax). Hari ini, kelompok Gedimu menguasai 6 buah masjid di sekitar Xi'an.

2. Yihewani – (Mazhab Baru atau Ikhwan) atau Sunnati: Kelompok ini berbeza pendapat dengan Gedimu kerana pendekatan reformis mereka dan penolakan terhadap amalan sinergi budaya. Ia menjadi pegangan kepada sebahagian Muslim Hui pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20. Pegangan ini dipengaruhi oleh Salafisme dan idea moden yang dibawa pulang oleh pelajar-pelajar Muslim Cina yang menuntut di Timur Tengah, khususnya di Universiti Al-Azhar, Mesir. Mereka menyeru kepada kembali kepada al-Qur'an dan Hadis, serta menolak adat dan budaya tempatan yang dianggap bertentangan dengan ajaran Islam termasuk amalan sufi. Kelompok ini mengkritik amalan tradisional seperti ziarah makam dan penggunaan unsur-unsur budaya Cina dalam ibadah. Sebagai reformis, pengikut fahaman

⁹ Chuanbin Zhou, Ping Shang & Wenkui Ma, “The Prophet's Day in China: A Study of the Inculturation of Islam in China, Based on Fieldwork in Xi'an, Najiaying, and Hezhou,” *Religions* 15, no. 6 (2024): 630.

¹⁰ Iberar Bhatt & Heng Wang, “Everyday Heritagage: Sino-Muslim Literacy Adaptation and Alienation,” *International Journal of the Sociology of Language* 2023, no. 281 (2023): 77-101.

¹¹ Fauziah Fathil, “Islam in Imperial China: Sinicization of Minority Muslims and Synthesis of Chinese Philosophy and Islamic Tradition,” *Kemanusiaan The Asian Journal of Humanities* 26, Supplement 1 (2019): 167-187.

¹² Silahuddin, S., Saiful, S., Ikhwan, M., Zulfikar T., & Hendra SH., “Looking Inside Traditional Islamic Schools: Concerns and Prospects of Learning Culture,” *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 13, no. 1 (2025): 1-22.

baru ini mempromosikan pendidikan moden, pembelajaran bahasa Arab, dan kesatuan umat Islam. Hari ini, sebanyak empat buah masjid dikuasai oleh kelompok Yihewani di Xi'an.¹³

3. Xinxinjio (Mazhab Paling Baru atau Salafi): Aliran ini lebih konservatif dan literal, berasaskan ideologi Wahhabi dan Salafi global. Ia mula berkembang di China pada abad ke-20 melalui pengaruh para pelajar lulusan Arab Saudi. Fahaman ini menganut tafsiran literal terhadap ajaran Islam, dengan penekanan kepada kesucian akidah dan amalan yang bersih daripada unsur luar dan unsur-unsur tempatan budaya Cina.¹⁴ Ia menentang keras amalan tradisional Islam di China seperti penghormatan kepada nenek moyang dan seni bina masjid yang berunsur Cina. Kelompok ini menjalin hubungan rapat dengan jaringan Islam luar negara, terutama dari negara-negara Teluk dan Arab Saudi. Walaupun bilangan pengikutnya kecil, pengaruhnya semakin berkembang akibat globalisasi, media digital, dan peluang pengajian ke Timur Tengah seperti Arab Saudi. Kelompok minoriti ini menguasai 2 buah masjid di sekitar Xi'an.

Sejarah dan Perubahan Komuniti Xi'an

Chang'an, yang bermaksud "Kedamaian Abadi", merupakan nama asal kepada bandar yang kini dikenali sebagai Xi'an. Nama ini telah digunakan secara rasmi selama lebih seratus dekad mewakili kegemilangan tamadun China silam. Nama Chang'an telah digunakan secara rasmi hingga tahun 1369 dan diubah kepada Xi'an semasa Dinasti Ming (1368-1644). Xi'an dikatakan bandar pertama yang menerima Islam di China bermula dengan kewujudan Kedutaan Arab (Dashi, istilah Cina yang merujuk kepada Arab) yang pertama semasa pemerintahan Maharaja Gaozong (649-683) yang mengetuai Dinasti Tang (618-907).

Xi'an pernah menjadi ibu kota kepada tiga belas dinasti antaranya Dinasti Han (206 SM – 220 M), Zhou (1046-771 SM), Qin (770-207 SM), Han (202 SM 8 M) dan Tang (618-907 M). Sebagai ibu kota, ia berfungsi sebagai pusat politik, perdagangan, budaya, dan agama yang terpenting dalam sejarah China. Malah, bandar ini pernah menjadi salah satu bandar terbesar dan paling kosmopolitan ketika Jalan Sutera¹⁵ menjadi penghubung utama antara Timur dan Barat semasa Dinasti Han ketika di bawah pemerintahan maharaja Wu. Xi'an berada pada zaman keemasan semasa di bawah Dinasti Tang.

Penamaan kota Xi'an beberapa kali bertukar nama mengikut dinasti yang memerintah seperti nama Fengjing dan Haojing di bawah Dinasti Zhou, Chang'an di bawah Dinasti Han dan Tang dan nama Xi'an semasa pemerintahan Dinasti Qin.¹⁶ Nama Chang'an secara rasmi ditukar kepada nama "Xi'an" -yang bermaksud "Kedamaian Barat" - pada tahun 1369, semasa awal pemerintahan Dinasti Ming (1368–1644). Pertukaran ini berlaku selepas kejatuhan Dinasti Yuan (Mongol) dan kebangkitan Dinasti Ming yang mahu mengangkat semula identiti kebangsaan Han serta menyusun semula struktur pentadbiran dan geografinya. Nama "Xi'an" mencerminkan kedudukan geografinya yang terletak di wilayah barat China dalam konteks pentadbiran pusat kerajaan Ming. Dalam wacana sejarah dan kebudayaan, nama Chang'an tetap digunakan untuk merujuk kepada zaman kegemilangan silam, khususnya semasa Dinasti Tang -zaman keemasan seni, kesusasteraan, dan hubungan antarabangsa China.

Hari ini, walaupun tidak lagi menjadi pusat kekuasaan empayar, Xi'an tetap kekal sebagai bandar yang strategik dan bersejarah. Ia terus memainkan peranan sebagai penghubung antara kawasan pedalaman China dan Asia Tengah. Masjid lama, termasuk Masjid Besar Xi'an yang dibina pada abad ke- 8, bangunan lama, dan struktur jalan lama di Xi'an di kawasan *Muslim Quarter* masih kekal dan menjadi bukti sejarah berterusan dari zaman Chang'an hingga era moden. Pada abad ke-20, Xi'an memainkan peranan penting dalam sejarah moden China. Insiden Xi'an yang terkenal pada Disember 1936 menyaksikan Chiang Kai-shek (Jiang Jieshi) ditahan oleh jeneral-jeneralnya sendiri, satu peristiwa yang memaksa kerajaan Nasionalis (Kuomintang) membentuk pakatan sementara dengan Parti Komunis

¹³ Michael Dillon, *China's Muslim Hui Community: Migration, Settlement and Sects*. (Curzon Press, 1999), 104.

¹⁴ Mohammed Turki A. Al-Sudari, "Adhering to the Ways of Our Western Brothers: Tracing Saudi Influences on the Development of Hui Salafism in China," *Sociology of Islam* 4, no. 1-2 (2016): 27-58.

¹⁵ T.O. Pryce; Simon Carrignon; Mélissa Cadet; Kay Thwe Oo; Saw Naing Oo; Thu Thu Win; Arkar Aye; Baptiste Pradier; Bérénice Bellina; Clémence Le Meur; Peter Petchey; Miljana Radivojević, "A Partial Prehistory of the Southwest Silk Road: Archaeometallurgical Networks along the Sub-Himalayan Corridor," *Cambridge Archaeological Journal* 34, no. 2 (2024): 173-212.

¹⁶ Ruikun Wang & Carola Hein, "From a Natural Environment to Artificial System: Cang'an and Its Water System in the Western Han Dynasty," *Frontiers of Architectural Research* 11, no. 3 (2022): 440-452.

China (Chinese Communist Party -CCP) untuk menentang pencerobohan Jepun.¹⁷ Sejak penubuhan Republik Rakyat China pada tahun 1949, Xi'an telah berkembang menjadi pusat utama untuk industri, pendidikan, dan penyelidikan. Universiti-universiti dan kemudahan aeroangkasa di Xi'an kini antara yang paling berprestij di China.

Sejarah Kedatangan Islam ke Xi'an

Menurut catatan sejarah China dan Arab, utusan pertama dari dunia Islam dihantar ke China sekitar tahun 651M/31H yang diketuai oleh Sa'd ibn Abi Waqqas hanya dua dekad selepas kewafatan Nabi Muhammad. Khalifah ketiga Islam, Sayyidina Uthman ibn Affan (577-656M), dipercayai telah menghantar utusan diplomatiknya tersebut kepada Maharaja Gaozong (628-683) dari Dinasti Tang bagi tujuan menerokai Jalan Sutera dari Semenanjung Tanah Arab untuk perdagangan dan penyebaran Islam.¹⁸ Ini menunjukkan bahawa dunia Islam ketika itu telah menyedari kepentingan menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa besar Timur Asia. Walaupun kedatangan ini bersifat perwakilan aman dan diplomatik, ia turut membuka ruang kepada pertukaran budaya, pengetahuan, serta penyebaran ajaran Islam ke Tanah Besar China. Catatan sejarah Dinasti Tang menyebut mengenai kehadiran beberapa duta dari "Dashi" (istilah China untuk empayar Arab) yang disambut dengan penuh hormat di istana diraja. Secara khususnya, menurut Li Jianbo, kedatangan Islam ke bumi Xi'an melalui tiga peringkat:¹⁹

Peringkat 1: Kemasukan Awal Islam ke Xi'an

Pada peringkat awal, kemasukan Islam ke Xi'an melalui dua proses iaitu perdagangan Arab-Parsi yang membuka Jalan Sutera dan keduanya melalui peranan tentera Muslim dalam konflik Asia Tengah yang membawa tentera Islam ke Chang'an (Xi'an) yang akhirnya berasimilasi dengan penduduk tempatan.

Perdagangan

Dalam konteks perdagangan, orang Islam dari kawasan Semenanjung Tanah Arab, Parsi, dan Asia Tengah telah melalui Xi'an yang menjadi titik permulaan (eastern terminus) jalan perdagangan yang menghubungkan China dengan Asia Tengah, Timur Tengah, dan Eropah sepanjang Jalan Sutera (Silk Route). Xi'an berada pada kedudukan strategik di Lembah Sungai Wei, yang subur dan dilindungi oleh gunung-ganang seperti Qinling di selatan dan Dataran Tinggi Loess di utara. Lokasinya yang berada di tengah-tengah China Barat Laut juga menjadikannya pintu masuk semula jadi ke wilayah Asia Tengah. Xi'an dan kawasan sekitarnya terkenal dengan penghasilan produk sutera, seramik, dan teh, kertas dan barangan diperbuat daripada kertas. Kota ini juga mengimport barangan kaca, rempah, permata dan kuda. Ketika itu, sutera buatan China menjadi simbol kemewahan di Eropah dan Timur Tengah, manakala inovasinya dalam pembuatan kertas menjadikan Xi'an sangat signifikan kepada perdagangan.

Xi'an telah menjadi kota kosmopolitan yang menarik pedagang dan agamawan luar untuk menetap di kota tersebut dan lebih luas di daerah Shaanxi. Penempatan terawal Muslim di Xi'an tertumpu di kawasan Huimin Jie (Muslim Quarter), berhampiran Menara Gendang (Drum Tower) yang masih menjadi pusat komuniti Muslim Hui hingga hari ini. Kawasan ini mencerminkan kesinambungan sejarah lebih 1,300 tahun, dari zaman ketibaan pedagang Arab-Parsi hingga kepada komuniti Hui moden yang mengekalkan ajaran Islam dalam kerangka budaya Cina.

Huimen Jie yang berkeluasan 1.2 kilometer persegi terletak berhampiran pusat pentadbiran dan komersial Dinasti Tang dan kemudian Dinasti Ming. Kawasan ini memudahkan interaksi antara Muslim dan masyarakat tempatan, termasuk pedagang dan pegawai istana ketika itu. Ia juga terletak berhampiran dengan Masjid Besar Xi'an yang bukan hanya berfungsi sebagai tempat ibadah tetapi juga menjadi pusat komuniti, pendidikan, dan pentadbiran sosial bagi penduduk Muslim. Di sekitarnya didirikan kedai dan rumah penginapan yang berasimilasi dengan budaya Cina. Sejajar dengan penempatan awal, Huimen Jie dihubungkan dengan jalan yang sempit, antaranya Beiyuanmen Street dan Xiyangshi Street serta dibangunkan sekali dengan deretan bangunan kedai halal, restoran

¹⁷ Steve Tsang "Chiang Kai-shek's "Secret Deal" at Xi'an and the Start of the Sino-Japanese War," *Palgrave Communications* 1, no. 1 (2015): 1-12.

¹⁸ Husen Hasan Basri & Ta'rif, "The Mosque Based Islamic Education in Guangzhou China," *UMRAN- International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5, no. 2 (2018): 79-92.

¹⁹ Jianbiao Li, *Hui Nationality and Mosques in Xi'an*, (Sanqin Publishing House, 2004), 126.

tradisional, dan pasar malam, masjid dan madrasah. Ini secara tidak langsung menunjukkan bagaimana komuniti Hui menghubungkan kehidupan mereka dengan mengimbangi kehidupan seharian sebagai peniaga, mempunyai hubungan yang rapat dalam komuniti Islam dan tidak sekali-kali mengabaikan aspek keagamaan di dalam urusan seharian mereka. Semasa pemerintahan Maharaja Xuanzong (742-756) pula dikatakan terdapat Xishi (West Market) yang dikhususkan kepada para pedagang Hui dan jalan dipenuhi dengan kedai Parsi serta tempat tinggal masyarakat Hui.²⁰

Kemasukan Tentera Islam

Proses kedua melalui tiga fasa atau gelombang kemasukan tentera Islam ke Xi'an iaitu pada tahun 757M, 1070M dan abad ke 13M:

(i). Fasa Awal: Ia berlaku ekoran pemberontakan yang diketuai oleh An Lushan sehingga meletuskan perang saudara. An Lushan, adalah seorang jeneral yang berpengaruh berketurunan Sogdian-Turk yang berpaling tadah daripada Dinasti Tang. Adalah satu kebiasaan ketika itu, wilayah kecil diperintah oleh para gabenur tentera (jiedushi) yang bertindak sendiri secara bebas daripada kawalan kerajaan pusat. Pada tahun 755, Jeneral An Lushan melancarkan pemberontakan secara mengejut dari Fanyang (berhampiran Beijing moden) dengan alasan untuk menghapuskan menteri yang korup. Beliau dengan pantas menawan Luoyang, ibu kota sebelah timur, dan mengisytiharkan dirinya sebagai maharaja bagi dinasti baharu, Dinasti Yan. Pemberontakan ini dianggarkan mengorbankan puluhan juta nyawa, mungkin mencecah sehingga 36 juta orang, menjadikannya antara konflik paling berdarah dalam sejarah dunia. Ia membawa kepada kemusnahan wilayah utara, gangguan kepada Laluan Sutera, dan kemerosotan kuasa politik Dinasti Tang.²¹

Bagi menghadapi pemberontakan tersebut, pada tahun 757 Maharaja Suzong yang memerintah Dinasti Tang telah meminta bantuan 10,000 tentera yang terdiri daripada pelbagai etnik di Asia Tengah yang berada di bawah pengaruh Abbasiyah pimpinan Khalifah al-Mansur, memerintah antara tahun 754-775M. Hasilnya, gabungan tentera berbangsa Arab, Parsi, dan Turki berjaya mengawal ibu kota China, Chang'an (Xi'an) dari jatuh ke tangan pemberontak.

Kehadiran tentera bantuan tersebut ke Chang'an bukan sahaja sebagai sokongan ketenteraan, tetapi juga sebagai simbol kerjasama antarabangsa dan pengaruh Islam dalam geopolitik Asia pada masa itu. Kerjasama ketenteraan ini telah mengukuhkan hubungan diplomatik antara Dinasti Tang dan Khalifah Abbasiyah, serta membentuk persepsi positif terhadap umat Islam di mata kerajaan China. Setelah berakhirnya peperangan, sekitar 4000 tentera tidak pulang ke negara asal mereka, sebaliknya membina penempatan di situ dan berkahwin dengan wanita tempatan. Tentera ini kemudiannya telah diserapkan ke dalam Pasukan Tentera Kanan dan Tentera Kiri Shen, malah ada antara mereka diberikan jawatan tinggi dalam pasukan tentera.

Justeru itu, kelompok tentera Islam ini telah menjadi generasi kedua selepas para pedagang menjadi komuniti tetap mendiami Xi'an. Komuniti ini kemudian dikenali sebagai Hui-hui (istilah yang digunakan pemerintah Mongol untuk semua orang Islam) berkembang menjadi komuniti Hui Muslim yang kita kenali hari ini, terutama di Xi'an. Mereka membawa bersama budaya, bahasa Arab, makanan halal, seni bina Islam dan sistem sosial Islam, yang akhirnya membentuk identiti tersendiri dalam masyarakat China. Di sini juga berlaku proses perkahwinan campur, proses asimiliasi dengan budaya tempatan menggabungkan unsur-unsur budaya Cina dan Islam dalam kehidupan seharian. Peristiwa tahun 757 juga menandakan permulaan peranan aktif umat Islam di dalam masyarakat Cina, bukan hanya sebagai pedagang atau pengembara, tetapi juga sebagai penyumbang dalam mempertahankan kestabilan politik tempatan dan pembangunan negara China.

(ii). Fasa Pertengahan: Kemasukan tentera Islam ke Xi'an berlaku tahun 1070. Ini berikutan tindakan Maharaja Shenzong dari Dinasti Song Utara (1067-1085) yang telah membawa masuk seramai 5,300 tentera Muslim dari Bukhara di bawah perintah Putera Sayid Sofeier bagi membantunya menentang Dinasti Liao (916-1125) yang ketika itu menguasai kawasan utara China dan menjadi pesaing utama kepadanya. Dinasti Liao yang diasaskan oleh bangsa Khitan, sebuah etnik nomad dari wilayah utara

²⁰ Ye Zhi Ping (Halimah Ye), Azlizan Binti Mat Enh & Suffian Mansor, "The Internationalization of Muslim Chinese Ummah during The Tang Dynasty," *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs* 4, no. 2 (2014): 106-116.

²¹ Ablet Kamalov, "Turks and Uighurs During the Rebellion of An Lu-shan Shih Ch'ao-yi (755-762)," *Central Asiatic Journal*, 45, no. 2 (2001): 243-253.

memiliki kekuatan ketenteraan yang mantap dan sering mencerooboh sempadan utara Song. Kepakaran pasukan tentera Muslim dari Bukhara (sekarang di Uzbekistan) ini bukan sahaja membantu dalam melindungi sempadan China, tetapi juga memperkenalkan taktik peperangan padang pasir dan kawalan kuda. Taktik peperangan ini sangat berguna kepada tentera China dalam menghadapi peperangan gerila seperti yang biasa dilakukan oleh tentera nomad Khitan.

Putera Sayid Sofeier juga popular dengan panggilan Sayyid So-fei-er, dikenali sebagai tokoh yang memainkan peranan besar dalam membina jambatan antara dunia Islam dan China. Sayid Sofeier dipercayai berketurunan Sayyid, iaitu zuriat Nabi Muhammad SAW. Beliau bukan sahaja seorang pemimpin tentera, tetapi juga seorang tokoh agama dan pemimpin masyarakat Islam. Pada pasca peperangan, beliau dilantik secara tidak rasmi sebagai ketua komuniti Islam di Xi'an oleh pihak istana, dan dikenang sebagai antara perintis penyebaran Islam secara aman dan berstruktur di negara tersebut. Kehadiran beliau bersama tentera Islam ke China bukan hanya bersifat bantuan ketenteraan semata-mata, tetapi membawa implikasi besar kepada sejarah penyebaran Islam, perubahan demografi, serta pembentukan identiti Muslim Cina. Legenda tempatan dan catatan sejarah Islam di China menyebut bahawa keturunan Sayid Sofeier kemudiannya menyumbang kepada perkembangan komuniti Islam di pelbagai wilayah lain juga termasuk termasuk Yunnan, dan Gansu.

Selepas memberikan khidmat mereka, kebanyakan tentera Islam tidak pulang ke Bukhara, sebaliknya, atas arahan dan restu Maharaja Shenzong, mereka telah diberikan hak untuk tinggal secara tetap di China, khususnya di kawasan Kaifeng, ibu kota Dinasti Song ketika itu. Mereka juga diberikan keistimewaan seperti kebebasan beragama, kebenaran membina masjid, serta hak untuk berkahwin dengan penduduk tempatan.

Fasa kedua ini merupakan titik penting dalam pembentukan komuniti Muslim Hui awal yang lebih besar. Legasi mereka membentuk warga China yang mengamalkan Islam dalam suasana budaya dan bahasa Cina. Penempatan tetap ini juga membawa kepada pertumbuhan pesat budaya Islam dalam bidang pendidikan, perubatan, astronomi, dan perdagangan, kerana komuniti Bukhara turut membawa ilmu serta kemahiran dari dunia Islam ke China. Sepuluh tahun kemudian, iaitu pada tahun 1080, dikatakan lebih kurang 10000 Muslim Arab pula telah datang ke Xi'an dan kawasan-kawasan lain²².

(iii). Fasa Akhir: Iaitu pada Abad ke-13, dunia memperlihatkan bagaimana Empayar Mongol di bawah penguasaan Genghis Khan telah menguasai kerajaan Khoarezmiah (juga dikenali sebagai Khwarazam atau Khwarezm) di Asia Tengah melalui serangan pada tahun 1219-1221 dan diikuti kejatuhan pemerintahan Rusia dan Eropah Timur melalui proses penaklukan sepanjang tahun 1236-1242. Kemudiannya ia diteruskan oleh cucunya, Kublai Khan (1215-1294) yang mengetuai Dinasti Yuan dengan melebarkan pengaruhnya hingga Timur Tengah pada tahun 1256-1258 dengan membawa perubahan besar dalam komposisi etnik dan budaya di China. Sekalipun, konflik ini telah menyebabkan kerosakan besar terhadap budaya dan tamadun Islam, secara tidak langsung ia memberikan impak positif di mana telah memudahkan penyebaran Islam dan penghijrahan umat Islam secara lebih meluas ke negara yang dikuasai Mongol. Konflik ini telah menyebabkan berlaku penghijrahan orang Islam ke China termasuk Xi'an dengan membawa budaya Islam sehingga memunculkan kumpulan etnik dikenali Huihui.²³

Sebagai pemerintah yang berdepan dengan masyarakat yang pelbagai etnik, Kublai Khan telah menggunakan strategi menggabungkan tentera bagi pelbagai bangsa bagi memastikan kekuatan ketenteraan dan kestabilan wilayah. Pasukan *Tammaci* (dikenali juga sebagai "Pasukan Hadapan") diwujudkan untuk menjadi unit elit yang mendahului angkatan utama dalam ekspedisi ketenteraan, melaksanakan tugas pengintipan, penempatan awal, dan penguasaan kawasan strategik. Dalam pasukan ini, ramai anggota beragama Islam telah diserap masuk, khususnya dari kawasan yang telah ditakluki Mongol seperti Transoxiana, Khurasan, dan Parsi. Mereka bukan sahaja mahir dalam pertempuran, tetapi juga membawa bersama kemahiran teknikal seperti seni bina, pertukangan, serta pengetahuan sains dan kejuruteraan yang sangat berguna kepada kerajaan Mongol yang ketika itu sedang membina infrastruktur pentadbiran.

²²H. Hagra, "Xi'an Daxuexi Alley Mosque: Historical And Architectural Study," *Egyptian Journal of Archaeological and Restoration Studies*, 9, no. 1 (2019): 97-113.

²³ Zhang Wei & Rukhsana Ifthikar, "The Formation of Hui Group in China in Yuan Dynasty: Diversity and Integration," *Annals of Human and Social Sciences* 5, no. 2 (2024): 327-340.

Semasa era Dinasti Yuan, Xi'an menjadi salah satu pusat penempatan bagi tentera Muslim yang menyertai pasukan *Tammaci*. Sebagai tentera beragama yang berimigrasi (military-religious migration), kehadiran mereka bukanlah semata-mata untuk tujuan ketenteraan, tetapi turut melibatkan aktiviti penempatan dan keagamaan, sekali gus mencorakkan demografi dan budaya kawasan tersebut. Selepas tamat tugas perang, mereka telah diberikan tanah dan peluang untuk menetap di negara China. Dalam konteks Xi'an, mereka mula mendirikan komuniti tersendiri berhampiran masjid yang menjadi pusat kehidupan sosial dan spiritual. Ini membuka jalan kepada pembentukan masyarakat Hui yang unik -iaitu komuniti etnik Cina yang beragama Islam.

Selain daripada tentera *Tammaci*, turut tiba di Xi'an adalah golongan pekerja, pendakwah, dan pelarian Muslim. Pekerja ini terdiri daripada mereka yang mahir dalam kerja-kerja berkaitan besi dan logam, pertukangan kayu, pembuatan senjata, serta arkitek yang membawa pengaruh seni bina Islam ke China. Masjid-masjid yang dibina di Xi'an seperti Masjid Besar Xi'an memperlihatkan gabungan unik antara seni bina Islam dan elemen tradisional Cina.

Sementara itu, golongan pendakwah atau alim ulama yang datang bersama mereka memainkan peranan penting dalam menyebarkan ajaran Islam, mendidik generasi muda, dan memperkukuhkan identiti Islam dalam kalangan masyarakat Hui. Mereka membawa kitab-kitab agama, menjalankan halaqah, dan mewujudkan tradisi pendidikan masjid yang kemudiannya berkembang pesat di Xi'an dan wilayah-wilayah sekitarnya. Ini adalah sumbangan mereka kepada mangsa yang lari daripada konflik politik atau peperangan di Asia Barat akibat peluasan kuasa Mongol. Kawasan sekitar Xi'an menjadi tempat perlindungan yang stabil bagi mereka untuk memulakan kehidupan baharu. Kehadiran pelarian ini menambahkan lagi kepelbagaian budaya dan pengalaman dalam komuniti Islam tempatan.

Selain itu, perkembangan Islam di Xi'an juga disebabkan oleh proses perkahwinan campur antara Muslim dan masyarakat tempatan atau Han. Amalan perkahwinan campur menyebabkan mereka mampu bertahan dan mengekalkan identiti mereka di kalangan masyarakat Han China. Kebiasaannya, etnik Hui tidak membenarkan wanita mereka berkahwin dengan etnik lain, tetapi wanita etnik lain boleh berkahwin dengan mereka.²⁴ Etnik Hui menganggap diri mereka sendiri sebagai *zhutang* (yang tinggal di dalam Dinasti Tang). Walau bagaimanapun pemerintah Dinasti Tang tidak menganggap mereka sebagai warganegara, sebaliknya melabel mereka sebagai *hushang* (ahli perniagaan asing) atau *fanke* (tetamu asing) dan anak-nak mereka pula dianggap sebagai *tushen fanke* (anak tempatan kelahiran tetamu asing). Di kawasan penempatan orang asing ini (fangang), diberikan kebebasan kepada mereka untuk menggunakan perundangan Islam dalam menyelesaikan isu antara mereka.²⁵

Peringkat Kedua: Perkembangan Ilmiah Abad ke 16 hingga 19

Tradisi klasik Islam di China muncul daripada pendidikan masjid yang dimulakan oleh Sheikh Hu Dengzhou dari Shaanxi dengan menjadikan Xi'an pusat pengajian Islam yang penting ketika itu dan masih meninggalkan impaknya hingga hari ini. Sheikh Hu Dengzhou (1552-1597) merupakan salah seorang ulama Islam yang paling terkenal pada zaman Dinasti Ming di China. Beliau dikenali kerana peranannya yang besar dalam menghidupkan pendidikan dan ajaran Islam tradisional di kalangan masyarakat Muslim, khususnya di Xi'an dan kawasan sekitarnya.

Sheikh Hu Dengzhou ialah seorang ulama Sunni yang tegas dan berusaha mengembalikan serta mengekalkan ajaran Islam ortodoks Sunni ketika ilmu Islam semakin merosot akibat tekanan politik dan sosial. Beliau menekankan prinsip Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan menentang kepercayaan sinkretisme atau amalan menyimpang yang telah terserap ke dalam masyarakat Muslim oleh kebudayaan dan kepercayaan Cina tempatan. Beliau membawa kembali tradisi keilmuan Islam klasik yang berpegang kepada mazhab Sunni yang muktabar.

Sheikh Hu Dengzhou telah menunaikan ibadah haji dan belajar di Mekah bahkan berkemungkinan di beberapa negara Timur Tengah lain. Perjalanan ke Tanah suci dan mempelajari agama seperti itu sangat jarang dilakukan oleh masyarakat Hui. Oleh demikian pencapaian beliau dianggap sangat luar biasa dan berprestij ketika itu. Beliau telah membawa pulang ilmu Islam yang luas meliputi bidang bahasa Arab,

²⁴ Calvin Ching, "Ethnic Tensions between the Han and the Hui: The Neo Jahriyya Movement of Ma Hua Long of the Late Qing Period (1862-1871)," *Illumine: Journal of the Centre for Studies in Religion and Society Graduate Students Association*, 9, no. 1 (2010): 66-82.

²⁵ Mai Jianjun, "Empowerment and Faith: Unraveling the Hui Women's Mosques in China," *al-Burhān Journal of Qur'ān and Sunnah Studies* 7, no. 175 (2023): 173-185.

fiqh, aqidah, tafsir dan ilmu hadis ke Xi'an. Ini menjadikannya seorang tokoh yang sangat dihormati dan mempunyai autoriti agama yang tinggi di kalangan Muslim Xi'an. Sheikh Hu telah menubuhkan pelbagai institusi pengajian Islam dalam bentuk madrasah atau *jingtang jiaoyu*. Sistem pengajian *jingtang jiaoyu* menggabungkan kurikulum Islam seperti nahu bahasa Arab, fiqh, akidah, al-Qur'an dan hadis dengan kaedah pembelajaran tradisional Cina. Sistem ini kemudian berkembang ke seluruh negara China, dan menjadi kaedah utama pembelajaran dan pendidikan Islam dalam kalangan masyarakat Hui selama berabad-abad.²⁶

Walaupun bahasa Arab menjadi bahasa pengantar, Sheikh Hu Dengzhou yang juga dikenali sebagai *Hu Taishi (Ulama Agung)* turut menggalakkan penjelasan teks Islam dalam bahasa Mandarin, agar Islam lebih mudah difahami oleh masyarakat Hui yang tidak fasih dalam bahasa Arab. Beliau membuka jalan kepada generasi seterusnya untuk menghasilkan karya ilmiah Islam dalam bahasa Cina, yang menggabungkan istilah Konfusianisme dengan konsep Islam. Pendekatan ini telah diperkembangkan oleh tokoh lain selepasnya termasuk ulama Liu Zhi (1660-1739) semasa Dinasti Qing.

Sheikh Hu Dengzhou telah melatih ratusan pelajar, yang kemudiannya menjadi imam, guru dan ulama tersohor bukan sahaja di Xi'an, bahkan di seluruh negara China. Legasi keilmuannya membentuk salah satu rangkaian sarjana Islam terpenting dalam sejarah negara China, khususnya dalam kalangan masyarakat Hui. Pengaruh beliau masih dapat dilihat dalam sistem pendidikan, amalan di masjid, dan pemikiran keagamaan masyarakat Muslim di Xi'an hingga hari ini.

Ketokohan Sheikh Hu Dengzhou tidak hanya terfokus pada pengajaran, tetapi juga menjadi pemimpin rohani dan sosial, membimbing masyarakat Muslim dalam disiplin tasawuf, akhlak, dan pelaksanaan ibadah yang betul. Beliau turut menekankan keutuhan komuniti, kesederhanaan, disiplin dan ketakwaan, seterusnya menjadikan beliau tokoh teladan dalam kalangan ulama dan masyarakat umum. Sheikh Hu Dengzhou dianggap sebagai salah seorang daripada "Empat Imam Besar China" selain Wang Daiyu juga dikenali sebagai Zhenhui Laoren (the True Old man of Islam) (1570-1660), Ma Zhu atau Yusuf (1640-1710) dan Liu Zhi juga dikenali dengan panggilan Liu Jia Lian (1660-1739).²⁷ Makam Sheikh Hu Dengzhou yang terletak di Xi'an masih menjadi tapak ziarah yang dihormati dan dikunjungi. Usaha dan sumbangannya telah menjadi asas kepada perkembangan pendidikan Islam di China dan membantu masyarakat Hui dalam mengekalkan identiti agama mereka meskipun menghadapi tekanan budaya Cina (sinicization).²⁸

Sehingga pertengahan abad ke-19, masyarakat Hui di Xi'an telah berjaya berintegrasi dengan masyarakat Cina tempatan, iaitu Han dengan mengekalkan jati diri agama mereka dan aktif dalam perniagaan. Menurut Zhou Weizhou, orang Hui yang tinggal di bandar kebanyakannya terlibat dalam perdagangan, terutamanya pemprosesan makanan dan perniagaan kecil, ada juga yang menjalankan perdagangan jarak jauh atau penyembelihan lembu dan kambing.²⁹

Peringkat Ketiga: Zaman Gelap

Pada tahun 1862 berlaku Pemberontakan Dungan, juga dikenali sebagai Pemberontakan Tongzhi Hui atau Peperangan Hui yang diketuai oleh Ma Hualong dan Bai Yanhu yang telah menjadi permulaan "zaman gelap" kepada masyarakat Hui di Xi'an akibat pemberontakan yang dicituskan oleh mereka sendiri ke atas Maharaja Tongzhi yang menguasai Dinasti Qing. Pemberontakan ini berlangsung sehingga tahun 1877 meninggalkan kesan mendalam dalam hubungan antara masyarakat Hui dan Han serta komuniti lain yang impaknya masih dirasai hingga hari ini. Asalnya ia bermula dengan perbalahan kecil antara seorang peniaga Han yang tidak berpuashati dengan bayaran jualan buluh yang diberikan oleh seorang lelaki Hui ataupun versi lain menyatakan ia disebabkan oleh penebangan buluh milik etnik Han oleh lelaki Hui.³⁰

²⁶ Ayesha Qurrat ul Ain, "Nurturing Muslims in Confucian Cradle: A Historical Overview of Islam," *Journal of Islamic & Religious Studies* 5, no. 2 (2020): 33-54.

²⁷ Alexander Wain, "Islam in China: The Hān Kitāb Tradition in the Writings of Wang Daiyu, Ma Zhu and Liu Zhi, with a Note on Their Relevance for Contemporary Islam," *ICR Journal* 7, no.1 (2016): 3027-46.

²⁸ Moh. Khoerul Anwar, Nur Musyafak, Zaen Musyirifin, "Chinese Pesantren And China's Acceptance to Islam: A Study on Counseling Spirit In Chinese Pesantren Hu Dengzhou Jingtang Jiaoyu," *Teosofia: Indonesian Journal of Islamic Mysticism* 8, no. 2 (2019): 117-130.

²⁹ Zhou Weizhou, *Muslims in Xi'an: A Study of Hui Muslims' Urban Life*. (Shaanxi People's Publishing House, 1997).

³⁰ Wen-Djang Chu, "The Immediate cause of the Moslem Rebellion in Nort-west China in 1862," *Central Asiatic Journal* 3, no. 4 (1958): 309-316.

Pada dasarnya, akibat masih terkesan dengan Pemberontakan Taiping (1851), faktor rasa tidak puashati antara komuniti Hui dan Han sekian lama, persaingan ekonomi, isu ketidakadilan pemerintah, dan diskriminasi oleh Dinasti Qing terhadap mereka telah menjadi faktor mendorong kepada Pemberontakan Dungan ini. Walaupun masyarakat Hui setia kepada pemerintahan Qing, mereka sering dicurigai dan kadangkala menjadi sasaran tindakan tidak adil oleh para pegawai tempatan dari etnik Han. Pemberontakan tahun 1862 oleh etnik Hui di wilayah Shaanxi (wilayah terletaknya kota Xi'an) dan juga Gansu pada awalnya bukanlah satu kebangkitan yang tersusun atau ideologikal, tetapi lebih kepada rentetan beberapa konflik bersifat tempatan antara masyarakat Hui dan Han. Setelah kekacauan bermula di satu kawasan, ia merebak dengan cepat, dan komuniti Hui bangkit mempertahankan diri atau turut serta dalam pemberontakan kerana takut menjadi mangsa kekejaman pegawai dan tentera Han. Di Xi'an, ketegangan meningkat apabila tersebar khabar angin mengenai pembunuhan dan penjarahan di kawasan lain. Komuniti Hui dituduh merancang pemberontakan, yang menyebabkan serangan awal oleh tentera Qing.³¹

Kota Xi'an menjadi pusat perlindungan bagi umat Islam Hui yang melarikan diri dari keganasan di luar bandar. Kerajaan Qing, yang bimbang akan pemberontakan dari dalam kota, mengasingkan penduduk Hui dalam tembok kota dan kemudian mengenakan pengawasan ketenteraan. Menurut sumber sejarah, tentera Qing telah membunuh atau mengusir hampir 12 juta nyawa Hui di wilayah Shaanxi, kecuali mereka yang berada di dalam kota Xi'an. Populasi Muslim Hui di Shaanxi menurun secara mendadak kepada antara 30,000 hingga 40,000 orang, iaitu anggaran jumlah mereka yang terselamat daripada konflik tersebut. Komuniti Hui di Xi'an telah dipaksa tinggal dalam tembok kota selama 18 tahun, dengan sekatan ketat terhadap pergerakan, kegiatan ekonomi, dan kebebasan beragama mereka. Terdapat juga mereka yang sempat meninggalkan daerah bergolak menuju Kazakhtan dan Kyrgystan sehingga mereka dikenali sebagai bangsa Dungan. Sesetengah pengkaji menulis bahawa kesan Pemberontakan Dungan ini adalah satu sejarah penghapusan etnik Hui.³²

Dinasti Qing berjaya menumpaskan pemberontakan ini melalui kempen ketenteraan yang kejam, dibantu oleh pasukan pertahanan awam Han tempatan dan segelintir kumpulan Hui yang setia kepada Qing. Walaupun konflik berjaya dipulihkan, ia telah meninggalkan kesan sosial dan psikologi yang mendalam terhadap masyarakat Hui di Xi'an. Kawasan Hui-Fang di Xi'an menjadi simbol kelangsungan hidup dan pemisahan -satu kawasan yang dipagari di mana masyarakat Hui mengekalkan agama dan identiti mereka di bawah kawalan ketat. Bagi masyarakat Hui pemberontakan dan pengasingan selepasnya menjadi teras memori sejarah kolektif mereka, membentuk identiti, hubungan dengan pemerintah, dan strategi kelangsungan hidup mereka. Malah selepas beratus tahun, peristiwa ini masih diingati oleh masyarakat Hui sebagai tempoh penderitaan yang amat dahsyat. Walaupun peristiwa menyedihkan itu secara rasmi dianggap telah berlalu, ia terus hidup dalam naratif komuniti, ekspresi budaya, dan kesedaran sejarah masyarakat Hui di Xi'an.

Peristiwa berdarah itu masih diingati hingga hari ini melalui Upacara Peringatan 17 Mei Bulan Lunar. Ia dilakukan di rumah dan terutamanya di masjid dengan diketuai oleh seorang *ahong* (ulama) dan disertai oleh *manla* (murid) dan jamaah masjid dengan pengisiannya seperti tahlil arwah (nietie), membaca al-Quran, jamuan makan, syarahan mengenai keperitan di bawah pemerintahan Tongzhi dan pengajaran yang sepatutnya umat Islam pelajari daripadanya.³³

Dinasti Qing telah digulingkan melalui Revolusi Xinhai pada tahun 1911 yang diketuai oleh Sun Yat-sen³⁴ dengan menukarkannya kepada sistem republik. Setelah penyingkiran Dinasti yang berkuasa daripada tahun 1636-1911, Muslim negara China termasuk yang tinggal di Xi'an telah keluar dari kongkongan, kembali pulih daripada kesan psikologi dan cuba membangun kesedaran sebagai warga negara China. Mereka kembali merancang dan berusaha mengubah kehidupan mereka termasuk kesetaraan politik, peningkatan taraf ekonomi, pengembangan pendidikan dan kebebasan beragama.³⁵

³¹ Ayesha Qurrat ul Ain, "A Historical Narrative of Ethnic Conflict and Social Anarchy in Shaanxi: The Muslim Uprising 1862-1873," *Qudus International Journal of Islamic Studies (QJIS)* 10, no. 1 (2022): 109-140.

³² E. Yeoh, "From Dungsans to Xinyimin: China, Chinese Migration and the Changing Sociopolitical Fabric of Central Asian Republics," *Contemporary Chinese Political Economy and Strategic Relations: An International Journal* 1, no. 2 (2015): 187-245.

³³ Maris Gillette "Violence, the State, and a Chinese Muslim Ritual Remembrance," *The Journal of Asian Studies*, 67, no. 3 (2008): 1011-1037.

³⁴ Linh D. Vu, "Commemorative Contention: The Taipei National Revolutionary Martyrs' Shrine and the Politics of Death," *Modern Asian Studies* 57, no. 1(2023): 1-31.

³⁵ Mi Shoujiang & You Jia, *Islam in China*, (LKIS, 2017).

Selepas penubuhan Republik Rakyat China pada tahun 1949,³⁶ negara China menegaskan ia adalah sebuah “negara bersatu berbilang etnik” seperti tercatat dalam perlembagaan baharunya. Masyarakat Hui telah diiktiraf sebagai salah satu daripada 56 kumpulan etnik rasmi (minzu) di negara China. Lembaran sejarah yang menyedihkan itu telah pun ditutup. Pada masa ini, komuniti Hui Xi'an yang tinggal di “Hui-Fang” (Kawasan Hui) bersebelahan Menara Loceng (Zhong Lou) masih menyimpan sejarah silam masyarakat Muslim Cina Xi'an.

Kesimpulan

Sebagai kawasan yang terletak di laluan Sutera darat yang dikunjungi oleh pedagang Islam, Xi'an antara lokasi terawal menerima Islam di China. Mereka yang pada awalnya didatangkan dari kawasan Islam Arab dan Parsi sebagai tentera bagi membantu maharaja China untuk menentang musuhnya telah menjadi warga tetap negara China. Dari Xi'an, mereka membentuk komuniti Islam dan terdapat dalam kalangan mereka yang dilantik memegang jawatan tinggi dalam pemerintahan China. Sebagai sebuah komuniti yang hidup secara minoriti di bawah kerajaan China, Muslim Hui tidak terlepas dari cabaran sama ada dalam politik, ekonomi dan pendidikan. Namun mereka berusaha untuk mendapat hak yang sama dengan komuniti etnik lain terutama etnik Han di negara China. Akhirnya, kerajaan China mengiktiraf mereka sebagai sebuah komuniti yang sah dan mempunyai hak yang sama dengan rakyat China lain. Etnik Muslim Hui di Xi'an menikmati kebebasan relatif kerana mereka telah terasimilasi dengan budaya Han sejak sekian lama sekalipun mereka terpaksa menghadapi dasar *Zongjiao Zhongguohua* (*Sinicization of Religion*)³⁷. Ia adalah dasar rasmi kerajaan China yang bermaksud penyesuaian agama-agama dengan budaya, nilai dan ideologi Cina khususnya dengan nilai sosialisme dan kepimpinan Parti Komunis China.

Rujukan

“Xian, Shaanxi, China Metro Area Population (1950-2025).” *Macrotrends*, diakses 15 Mei 2025. <https://www.macrotrends.net/global-metrics/cities/20721/Xi'an-shaanxi/population>.

Ayesha Qurrat ul Ain. “A Historical Narrative of Ethnic Conflict and Social Anarchy in Shaanxi: The Muslim Uprising 1862-1873.” *Qudus International Journal of Islamic Studies (QJIS)* 10, no. 1. (2022): 109-140.

Ayesha Qurrat ul Ain. “Nurturing Muslims in Confucian Cradle: A Historical Overview of Islam.” *Journal of Islamic & Religious Studies* 5, no. 2.(2020): 33-54.

Ayesha Qurrat al Ain. “Everyday Life of a Chinese Muslim: Between Religious Retention and Material Acculturation.” *Journal for the Study of Religion and Ideologies* 14, 40 (2015): 209-237.

Bhatt, Ibrar & Wang, Heng. “Everyday Heritagizing: Sino-Muslim Literacy Adaptation and Alienation.” *International Journal of the Sociology of Language* 2023, no. 281 (2023): 77-101.

Ching, Calvin. “Ethnic Tensions between the Han and the Hui: The Neo Jahriyya Movement of Ma Hua Long of the Late Qing Period (1862-1871).” *Illumine: Journal of the Centre for Studies in Religion and Society Graduate Students Association* 9, no. 1. (2010): 66-82.

Chu, Wen-Djang. “The Immediate cause of the Moslem Rebellion in Nort-west China in 1862.” *Central Asiatic Journal* 3, no. 4 (1958): 309-316.

Dillon, Michael. *China's Muslim Hui Community: Migration, Settlement and Sects*. Curzon Press, 1999.

Fauziah Fathil. “Islam in Imperial China: Sinicization of Minority Muslims and Synthesis of Chinese Philosophy and Islamic Tradition.” *Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities* 26, Supplement 1. (2019): 167-187.

³⁶ Lihong Lei, “Exodus and return: State-building, local responses, and identity negotiation in China's Burma borderlands, 1949–66,” *Journal of Southeast Asian Studies*, 55 no. 1 (2024): 28-49.

³⁷ Benoît Vermander, “Sinicizing Religions, Sinicizing Religious Studies,” *Religions* 10, no. 2 (2019): 137.

- Gillette, Marris. "Violence, the State, and a Chinese Muslim Ritual Remembrance." *The Journal of Asian Studies* 67, no. 3 (2008): 1011-1037.
- Gladney, Dru, C. *Muslim Chinese: Ethnic Nationalism in the People's Republic*. Harvard University Press, 1996.
- Hagras, H. "Xi'an Daxuexi Alley Mosque: Historical and Architectural Study." *Egyptian Journal of Archaeological and Restoration Studies* 9, no. 1. (2019): 97-113.
- Husen Hasan Basri & Ta'rif. "The Mosque Based Islamic Education in Guangzhou China." *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 5, no. 2 (2018): 79-92.
- Jianjiun, Mai. "Empowerment and Faith: Unraveling the Hui Women's Mosques in China." *al-Burhān Journal of Qur'ān and Sunnah Studies* 7, no.175 (2023): 173-185.
- Kamalov, Ablet. "Turks and Uighurs During the Rebellion of An Lu-shan Shih Ch'ao-yi (755-762)." *Central Asiatic Journal* 45, no. 2. (2001): 243-253.
- Lei, Lihong. "Exodus and Return: State-building, Local Responses, and Identity Negotiation in China's Burma Borderlands, 1949-66." *Journal of Southeast Asian Studies* 55 no. 1 (2024): 28-49.
- Li, Jianbiao. *Hui Nationality and Mosques in Xi'an*. Sanqin Publishing House, 2004.
- Mohammed Turki A. Al-Sudari. "Adhering to the Ways of Our Western Brothers: Tracing Saudi Influences on the Development of Hui Salafism in China." *Sociology of Islam* 4, no. 1-2 (2016): 27-58.
- Moh. Khoerul Anwar, Nur Musyafak, Zaen Musyrifin. "Chinese Pesantren and China's Acceptance to Islam: A Study on Counseling Spirit in Chinese Pesantren Hu Dengzhou Jingtang Jiaoyu." *Teosofia: Indonesian Journal of Islamic Mysticism* 8, no. 2 (2019): 117-130.
- Ping, Ye Zhi (Halimah Ye), Azlizan Binti Mat Enh & Suffian Mansor. "The Internationalization of Muslim Chinese Ummah during the Tang Dynasty." *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs* 4, no. 2. (2024): 106-116.
- Pryce, T. O., Carrignon, S., Cadet, M., Oo, K. T., Oo, S.M., Win, T. T., Aye, A; Pradier, B., Bellina, B., Le Meur, C., Petchey, P., & Radivojević, M., "A Partial Prehistory of the Southwest Silk Road: Archaeometallurgical Networks along the Sub-Himalayan Corridor." *Cambridge Archaeological Journal* 34, no. 2 (2024): 173-212.
- Ridgeon, Lloyd. "The Problem of Sinicizing Beijing's Mosque." *Journal of Muslim Minority Affairs* 40, no. 4 (2020): 576-596.
- Sariyan, Awang. 2023. *Islam di China Catatan Kembara*. Nuha Creative Resources, 2023.
- Shoujiang, Mi. & Jia, You. *Islam in China*. LKiS, 2017.
- Silahuddin, S., Saiful, S., Ikhwan, M., Zulfikar T., & Hendra SH. "Looking Inside Traditional Islamic Schools: Concerns and Prospects of Learning Culture." *Jurnal Ilmiah Peuradeun* 13, no. 1 (2025): 1-22.
- Tsang, Steve, "Chiang Kai-shek's "Secret Deal" at Xi'an and the Start of the Sino-Japanese War." *Palgrave Communications* 1, no. 1. (2015): 1-12.
- Vermader, Benoit. "Sinicizing Religioins, Sinicizing Religious Studies." *Religions* 10, no. 2 (2019): 137.
- Vu, Linh, D. "Commemorative Contention: The Taipei National Revolutionary Martyrs' Shrine and the Politics of Death." *Modern Asian Studies* 57, no. 1(2023): 1-31.

- Wain, Alexander. "Islam in China: The Hān Kitāb Tradition in the Writings of Wang Daiyu, Ma Zhu and Liu Zhi, with a Note on Their Relevance for Contemporary Islam." *ICR Journal* 7, no. 1. (2016): 3027-46.
- Wang, Ruikun & Hein, Carola. "From a Natural Environment to Artificial System: Cang'an and Its Water System in the Western Han Dynasty." *Frontiers of Architectural Reserach* 11, no. 3 (2022): 440-452.
- Wei, Zhang & Iftikar, Rukhsana. "The Formation of Hui Group in China in Yuang Dynasty: Diversity and Integration." *Annals of Human and Social Sciences* 5, no. 2 (2024): 327-340.
- Weizhou, Zhou. *Muslims in Xi'an: A Study of Hui Muslims' Urban Life*. Shaanxi People's Publishing House, 1997.
- Yang, Yang "Fashioning Islamic Asia: Urban Hui Muslims and Cosmopolitan Bridal Looks in Xi'an, China." *International Journal of Islam in Asia* 4, no. 1-2 (2024): 178-205.
- Yeoh, E. "From Dungans to Xinyimin: China, Chinese Migration and the Changing Sociopolitical Fabric of Central Asian Republics." *Contemporary Chinese Political Economy and Strategic Relations: An International Journal* 1, no. 2 (2015): 187-245.
- Zeng, Li. "The Voice Within: Chinese Muslims, Ethnic Identity, and Self-Representation in Hui Microfilms." *JCMS: Journal of Cinema and Media Studies* 63, no. 5 (2023): 284-308.
- Zhai, Binqing Zhai & Ng, Mee Kam. "Urban Regeneration And Social Capital in China: A Case Study of the Drum Tower Muslim District in Xi'an." *Cities* 35 (Dec). (2013): 14-25.
- Zhao, Liang. "Identity Negotiation of Han women in Han-Hui-Muslim Inter-marriage in China: A Dialogical-self Theory Approach." *Culture and Psychology* 30, no. 4 (2024): 903-938.
- Zhou, Chuanbin., Shnag, Ping., & Ma, Wenkui. "The Prophet's Day in China: A Study of the Inculturation of Islam in China, Based on Fieldwork in Xi'an, Najiaying, and Hezhou." *Religions* 15, no. 6 (2024): 630.

